

KOMPILASI SOALAN DAN JAWAPAN SEMINAR PERCUKAIAN KEBANGSAAN (SPK) 2025 (BELANJAWAN 2026)
14 OKTOBER 2025

TOPIK 3 : TRANSFORMASI DIGITAL SISTEM TAKSIR SENDIRI CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH DAN DUTI SETEM

BIL.	QUESTION	ANSWER
1.	Are engagement letter (audit/tax/lawyer, etc.) subject to stamp duty?	Sebarang surat cara (<i>in “writing” or “written”</i>) termasuk adendum yang memerlukan persetujuan dan tandatangan di antara dua pihak (disempurnakan) adalah dikenakan duti seperti dalam Jadual Pertama, Akta Setem 1949. Sebarang surat cara sama ada dikenakan duti atau tidak, tidak boleh berdasarkan semata-mata kepada tajuk atau nama jenis surat cara (Surat) tersebut sahaja. Kandungan (<i>substance</i>) surat cara tersebut yang menentukan sesuatu surat (<i>letter</i>) perlu dikenakan duti atau tidak.
2.	For contracts signed before 2025, is it compulsory to submit to e-stamps?	Menurut Seksyen 4, Akta Setem 1949, semua surat cara yang dikenakan duti termasuk yang mendapat pengecualian perlu mengemukakan dokumen bagi tujuan penyeteman. Hanya kontrak penggajian sahaja dikecualian. Sila rujuk kepada Soalan 15 soalan lazim dalam laman web hasil www.hasil.gov.my > Perkhidmatan > Duti Setem > Soalan Lazim > Soalan Lazim (FAQ) Penyeteman Kontrak Penggajian Di Malaysia (Tarikh Kemaskini : 03 Julai 2025) atau pautan https://www.hasil.gov.my/duti-setem/soalan-lazim/ untuk penerangan lanjut.
3.	If one employee manages stamp duty for multiple subsidiaries, can this employee register in My Tax for more than 1 company?	Dalam perancangan pembangunan sistem MyTax untuk duti setem akan datang, seseorang individu boleh dilantik oleh lebih daripada satu syarikat untuk menguruskan urusan duti setem melalui MyTax seperti konsep sistem TAeF bagi agen cukai dan Peranan Peguam dalam e-CKHT sedia ada. Pemakluman akhir berhubung prosedur akan dibuat selepas pelaksanaan sistem MyTax Duti Setem.
4.	For employment contract before 1/1/2025, do we need to submit for e stamping?	Menurut Seksyen 4, Akta Setem 1949, semua surat cara yang dikenakan duti termasuk yang mendapat pengecualian perlu mengemukakan dokumen bagi tujuan penyeteman.

BIL.	QUESTION	ANSWER
		Kontrak penggajian yang telah dikecualikan boleh dikemukakan kepada LHDNM bagi tujuan taksiran dan pengindorsan untuk mendapatkan sijil pengecualian duti setem. Sila rujuk kepada Soalan 15 soalan lazim dalam laman web hasil www.hasil.gov.my > Perkhidmatan > Duti Setem > Soalan Lazim > Soalan Lazim (FAQ) Penyeteman Kontrak Penggajian Di Malaysia (Tarikh Kemaskini : 03 Julai 2025) atau pautan https://www.hasil.gov.my/duti-setem/soalan-lazim/ untuk penerangan lanjut.
5.	the e-CKHT doesnt allow for option to select exempted transactions? like compulsory acquisition? when key in info, gain is computed auto altho is a govt acquisition. pls provide flexibility	Pelupus boleh mengisi CKHT 3 untuk memilih pengecualian CKHT di bawah kriteria pengambilan paksa oleh kerajaan [Para 3(1)(f) Jadual 2]
6.	Bagi penyeteman kontrak penggajian, adakah penyeteman dapat dibuat secara bulk stamping menggunakan sistem STS? Ini kerana kontrak penggajian melibatkan jumlah pekerja yang ramai bagi sebuah sykt.	Boleh. Sila mendapatkan maklumat berkaitan penyeteman berkelompok daripada laman web Hasil www.hasil.gov.my > MyTax > Perkhidmatan ezHasil > STAMPS > pengumuman atau pautan https://stamps.hasil.gov.my/stamps/register/publicpage/pengumuman# atau melalui log masuk sistem STAMPS dan klik di permohonan > penyeteman berkelompok.
7.	e-DUTI SETEM. TIN number is mandatory. What if any of the party involved does not have a TIN number? e.g. foreigners. Are there penalties if the delay is due to this requirement?	Dalam perancangan pembangunan sistem MyTax untuk duti setem akan datang, setiap individu termasuk warga asing perlu didaftarkan no. Tin seperti bayaran Cukai Pegangan oleh warga atau Syarikat asing. Pemakluman akhir berhubung prosedur akan dibuat selepas pelaksanaan sistem MyTax Duti Setem.
8.	Service agreement has remission order which is 0.1% of the service value, then all service agreement should still continue official assessment? Pls clarify	Ya. Semua taksiran yang melibatkan pengecualian atau peremitan duti akan disemak oleh LHDNM dan ditaksir secara formal. Notis Taksiran akan dikeluarkan setelah LHDNM berpuas hati dan menerima semua maklumat lengkap surat cara seperti proses sedia ada.

BIL.	QUESTION	ANSWER
9.	Perlukah majikan buat penyeteman untuk Employment contract yang execution sebelum 1 Januari 2025?	Kontrak penggajian yang telah dikecualikan boleh dikemukakan kepada LHDNM bagi tujuan taksiran dan pengindorsan untuk mendapatkan sijil pengecualian duti setem. Sila rujuk kepada Soalan 15 soalan lazim dalam laman web hasil www.hasil.gov.my > Perkhidmatan > Duti Setem > Soalan Lazim > Soalan Lazim (FAQ) Penyeteman Kontrak Penggajian Di Malaysia (Tarikh Kemaskini : 03 Julai 2025) atau pautan https://www.hasil.gov.my/duti-setem/soalan-lazim/ untuk penerangan lanjut.
10.	Can the company internal employees be the authorised representative for CKHT filing?	Pengarah syarikat boleh mengemukakan e-CKHT menggunakan peranan pengarah di MyTax. Permohonan peranan pengarah juga boleh dimohon di MyTax.
11.	For intercompany agreement will be exempted from stamp duty as we will not bring this document to court as a proof as evidence	Menurut Seksyen 4, Akta Setem 1949, semua surat cara yang dikenakan duti termasuk yang mendapat pengecualian perlu mengemukakan dokumen bagi tujuan penyeteman termasuk " <i>intercompany agreement</i> ".
12.	Can the Disposer only pays the balance of tax payable after deducting the 3% withheld by the Acquirer?	Baki cukai wujud apabila amaun remitan oleh pemeroleh di bawah seksyen 21B ACKHT1976 kurang daripada jumlah cukai yang kena dibayar. Pelupus perlu menjelaskan bakicukai tersebut dalam tempoh 90 hari dari tarikh pelupusan.
13.	For stamping of Employment Contract, can we upload the scanned copy with offered salary being censored as it is a confidential info which we don't want the processing clerk to see.	Tidak boleh. Pihak majikan/ syarikat perlu muat naik maklumat dan dokumen yang lengkap untuk tujuan penyeteman.
14.	1) Purchase of a new house from a housing developer, does the buyer need to report RPGT - e-CKHT 2A? In this case, the housing developer is paying income tax and not RPGT in this case.	Pemeroleh adalah dikecualikan daripada mengemukakan Borang Nyata CKHT jika keuntungan daripada pelupusan aset tertakluk di bawah ACP 1967.
15.	Service agreements fall under which phase for stamp duty STS?	Surat cara perkhidmatan akan dilaksanakan dalam Fasa 1. Sila laman web Hasil www.hasil.gov.my > MyTax > Perkhidmatan ezHasil > STAMPS > Sistem Taksir Sendiri Duti Setem (STSDS) atau pautan https://www.hasil.gov.my/duti-setem/sistem-taksir-sendiri-duti-setem-stsds/ .

BIL.	QUESTION	ANSWER												
		Garis Masa Pelaksanaan STSDS <table> <tr> <th>Fasa</th><th>Tarikh Pelaksanaan</th><th>Jenis Suratcara</th></tr> <tr> <td><i>Fasa 1</i></td><td><i>01 Januari 2026</i></td><td><i>Sewa / Pajakan, Sekuriti dan Penyeteman Am</i></td></tr> <tr> <td><i>Fasa 2</i></td><td><i>01 Januari 2027</i></td><td><i>Pindah Milik Harta Tanah (tidak melibatkan nilai JPPH)</i></td></tr> <tr> <td><i>Fasa 3</i></td><td><i>01 Januari 2028</i></td><td><i>Selain daripada kategori suratcara dalam Fasa 1 dan 2</i></td></tr> </table>	Fasa	Tarikh Pelaksanaan	Jenis Suratcara	<i>Fasa 1</i>	<i>01 Januari 2026</i>	<i>Sewa / Pajakan, Sekuriti dan Penyeteman Am</i>	<i>Fasa 2</i>	<i>01 Januari 2027</i>	<i>Pindah Milik Harta Tanah (tidak melibatkan nilai JPPH)</i>	<i>Fasa 3</i>	<i>01 Januari 2028</i>	<i>Selain daripada kategori suratcara dalam Fasa 1 dan 2</i>
Fasa	Tarikh Pelaksanaan	Jenis Suratcara												
<i>Fasa 1</i>	<i>01 Januari 2026</i>	<i>Sewa / Pajakan, Sekuriti dan Penyeteman Am</i>												
<i>Fasa 2</i>	<i>01 Januari 2027</i>	<i>Pindah Milik Harta Tanah (tidak melibatkan nilai JPPH)</i>												
<i>Fasa 3</i>	<i>01 Januari 2028</i>	<i>Selain daripada kategori suratcara dalam Fasa 1 dan 2</i>												
16.	Is IRB going to issue more guideline ? Pls clarify	Ya. Pihak LHDNM akan mengeluarkan rujukan dan garis panduan berkaitan yang diperlukan secara berperingkat. Rujukan boleh dibuat di Portal Hasil > Perundangan > Garis Panduan Garis Panduan Teknikal.												
17.	Who has to bear stamp duty for service agreements?	Menurut Items 2, Jadual Ketiga, Akta Setem 1949, <i>Person liable to pay duty service agreeemnets are "The obligor or other person giving the security"</i> .												
18.	1st Sch is very extensive covering a wide range of dutiable instruments with some ambiguous provisions making intepretation at times differ. Are there any plans to refine the list and make it clearer?	Pihak LHDNM ambil maklum dan akan mempertimbangkan kesesuaian penambahbaikan Jadual Pertama Akta Setem 1949 di masa depan, jika ada keperluan.												
19.	For employment letter offer which is signed before year 2025 company still need to stamp it? Then apply for waive stamp duty?	Kontrak penggajian yang telah dikecualikan boleh dikemukakan kepada LHDNM bagi tujuan taksiran dan pengindorsan untuk mendapatkan sijil pengecualian duti setem.												

BIL.	QUESTION	ANSWER
	Or only those signed starting 2025 need to stamp?	Sila rujuk kepada Soalan 15 soalan lazim dalam laman web hasil www.hasil.gov.my > Perkhidmatan > Duti Setem > Soalan Lazim > Soalan Lazim (FAQ) Penyeteman Kontrak Penggajian Di Malaysia (Tarikh Kemaskini : 03 Julai 2025) atau pautan https://www.hasil.gov.my/duti-setem/soalan-lazim/ untuk penerangan lanjut.
20.	Is it all employment contract required to do stamp duty? How about the foreign worker require to do also?	Merujuk kepada subseksyen 4(1) Akta Setem 1949 (AS 1949) kesemua surat cara yang disenaraikan dalam Jadual Pertama hendaklah disetamkan mengikut kadar dalam Jadual tersebut. Merujuk kepada seksyen 2 AS 1949, surat cara didefinisikan sebagai satu dokumen bertulis dan pada amnya duti setem dikenakan ke atas surat cara jenis undang-undang, komersial dan urusan kewangan. Kontrak penggajian merupakan satu surat cara perjanjian / kontrak yang mewujudkan hubungan antara majikan dan pekerja. Suatu kontrak penggajian hendaklah disetamkan dan layak dikenakan duti di bawah Jadual Pertama AS 1949 termasuk kontrak penggajian warga asing. Sila rujuk kepada Soalan 1, 3 dan 4 soalan lazim dalam laman web hasil www.hasil.gov.my > Perkhidmatan > Duti Setem > Soalan Lazim > Soalan Lazim (FAQ) Penyeteman Kontrak Penggajian Di Malaysia (Tarikh Kemaskini : 03 Julai 2025) atau pautan https://www.hasil.gov.my/duti-setem/soalan-lazim/ untuk penerangan lanjut.
21.	Do we still need to stamp those expired agreements ?	Adalah dimaklumkan, surat cara hendaklah disetamkan dalam tempoh 30 hari dari tarikh ianya disempurnakan dalam Malaysia atau dalam tempoh 30 hari selepas ia diterima dalam Malaysia sekiranya ia disempurnakan di luar Malaysia. Sekiranya ia tidak disetamkan dalam tempoh yang ditetapkan, penalti yang dikenakan berdasarkan tempoh kelewatan seperti berikut; ➤ RM50.00 atau 10% daripada duti yang terkurang, yang mana lebih tinggi, sekiranya ia disetamkan dalam tempoh 3 bulan selepas masa untuk penyeteman;

BIL.	QUESTION	ANSWER
		➤ RM100.00 atau 20% daripada duti yang terkurang, yang mana lebih tinggi, sekiranya ia disetemkan selepas 3 bulan selepas masa untuk penyeteman; ➤ Kadar di atas berkuat kuasa mulai dari 01/01/2025.
22.	just now mentioned Engagement Letters (auditor/tax agent/lawyer to clients) subject to stamp duty. Who is payable for stamp duty? if preparing EL annually, has to be stamped annually? at what rate?	Ya. Menurut Seksyen 4, Akta Setem 1949, semua (setiap) surat cara yang dikenakan duti termasuk yang mendapat pengecualian perlu mengemukakan dokumen bagi tujuan penyeteman. Menurut Jadual Ketiga, Akta Setem 1949, <i>“Duty by whom payable”</i> adalah merujuk kepada jenis surat cara berdasarkan kepada Jadual Pertama, Akta Setem 1949. Sebarang surat cara sama ada dikenakan duti atau tidak, tidak boleh berdasarkan semata-mata kepada tajuk atau nama jenis surat cara (Surat) tersebut sahaja. Kandungan (<i>substance</i>) surat cara tersebut yang menentukan sesuatu surat (<i>letter</i>) perlu dikenakan duti atau tidak. Penentuan jenis surat cara dan pengenaan duti hanya akan ditetapkan oleh pegawai penaksir selepas menerima maklumat lengkap dalam dokumen tersebut melalui sistem STAMPS.
23.	If the properties disposed involved more than 1 owner, should every owner report the CKHT their respective share ?	Setiap pelupus perlu melaporkan pelupusan menggunakan borang CKHT 1A di MyTax
24.	Stamp duty untuk kontrak penggajian ditanggung oleh majikan atau pekerja?	Menurut <i>Items 1</i>, Jadual Ketiga, Akta Setem 1949, <i>Person liable to pay duty is “The person by whom the instrument is first executed”</i>. Dalam konteks kontrak penggajian, <i>Person liable to pay duty</i> adalah pihak majikan. Bagi kontrak penggajian, orang yang pertama menandatangani surat cara tersebut adalah orang yang bertanggungjawab membayar duti setem. Lazimnya pihak majikan akan menandatangani surat tawaran terlebih dahulu. Sehubungan itu, majikan adalah pihak bertanggungjawab membayar duti.

BIL.	QUESTION	ANSWER
		Sila rujuk kepada Soalan 10 soalan lazim dalam laman web hasil www.hasil.gov.my > Perkhidmatan > Duti Setem > Soalan Lazim > Soalan Lazim (FAQ) Penyeteman Kontrak Penggajian Di Malaysia (Tarikh Kemaskini : 03 Julai 2025) atau pautan https://www.hasil.gov.my/duti-setem/soalan-lazim/ untuk penerangan lanjut.
25.	If an employee reaches the age of 60, retires, and then decides to return to work, does the company need to stamp the new contract agreement?	Ya. Menurut Seksyen 4, Akta Setem 1949, semua surat cara yang dikenakan duti termasuk yang mendapat pengecualian perlu mengemukakan dokumen bagi tujuan penyeteman tanpa mengambil kira usia pekerja.
26.	Any employee can register at eDS to submit and pay stamp duty on behalf of employer? Or only person appointed by Director in MyTax is granted the access to eDS?	Dalam perancangan pembangunan sistem MyTax untuk duti setem akan datang, seseorang individu yang dilantik oleh pengarah syarikat (ID Pengarah) atau memegang “ID ADMIN” sahaja boleh melantik pihak ketiga (peranan agen) untuk menguruskan urusan duti setem melalui MyTax seperti konsep sistem TAeF bagi agen cukai dan Peranan Peguam dalam e-CKHT sedia ada. Pemakluman akhir berhubung prosedur akan dibuat selepas pelaksanaan sistem MyTax Duti Setem.
27.	May I know if an employer can ask a new hire to pay RM10 stamp duty in advance and reimburse it once they report for duty, since some new hires sign the contract but do not report to work?	Menurut <i>Items 1, Jadual Ketiga, Akta Setem 1949, Person liable to pay duty is “The person by whom the instrument is first executed”</i>. Dalam konteks kontrak penggajian, <i>Person liable to pay duty</i> adalah pihak majikan. Bagi kontrak penggajian, orang yang pertama menandatangani surat cara tersebut adalah orang yang bertanggungjawab membayar duti setem. Lazimnya pihak majikan akan menandatangani surat tawaran terlebih dahulu. Sehubungan itu, majikan adalah pihak bertanggungjawab membayar duti. Sila rujuk kepada Soalan 10 soalan lazim dalam laman web hasil www.hasil.gov.my > Perkhidmatan > Duti Setem > Soalan Lazim > Soalan Lazim (FAQ) Penyeteman Kontrak Penggajian Di Malaysia (Tarikh Kemaskini : 03 Julai 2025) atau pautan https://www.hasil.gov.my/duti-setem/soalan-lazim/ untuk penerangan lanjut.

BIL.	QUESTION	ANSWER
28.	Do we need a separate engagement if we appoint the existing tax agent to handle the submission of e-CKHT?	Pelupus / pemeroleh perlu mengisi borang CKHT 57A (Kebenaran Pemfailan Borang Secara Elektronik) untuk melantik ejen cukai bagi tujuan pengemukaan e-CKHT
29.	For stamp duty, under Section 32, for transfer of property, is SPA stamped at nominal of RM10 and then MOT at ad volerem is correct?	Ya. Sila rujuk kepada <i>Items</i> 32, Jadual Pertama, Akta Setem 1949 untuk penerangan lanjut.
30.	Bagaimana persediaan lhdn untuk laksanakan audit ckht & duti setem kerana dengan pendigitalan ckht dan duti setem ini pasti banyak dokumen yg akan disetamkan	Audit CKHT telah pun berlangsung sepanjang tahun 2025 dan pelaksanaannya adalah sama seperti sebelum STS dilancarkan. Pelupus / pemeroleh perlu kemukakan dokumen berkaitan sekiranya diaudit oleh LHDNM.
31.	Only 'wakil pengarah' will be allowed to assess the e-DS on behalf of the Company?	Dalam perancangan pembangunan sistem MyTax untuk duti setem akan datang, seseorang individu yang dilantik oleh pengarah syarikat (ID Pengarah) atau memegang “ID ADMIN” sahaja boleh melantik pihak ketiga (peranan agen) untuk menguruskan urusan duti setem melalui MyTax seperti konsep sistem TAeF bagi agen cukai dan Peranan Peguam dalam e-CKHT sedia ada. Pemakluman akhir berhubung prosedur akan dibuat selepas pelaksanaan sistem MyTax Duti Setem.
32.	Slide 15 states remission / exemption involves formal assessment. Please confirm that service agreement under remission order shall be under official assessment from 1 January 2026?	Pihak LHDNM akan mengeluarkan sebarang rujukan dan garis panduan berkaitan yang diperlukan dalam masa yang terdekat.
33.	Bagaimanakah sistem baharu ini dapat memudahkan proses pelaporan CKHT dan duti setem berbanding sebelum ini?”	CKHT – pengemukaan Borang CKHT adalah melalui atas talian dan pengiraan cukai terus dipaparkan bagi memudahkan pelupus membuat bayaran baki cukai tanpa menunggu notis taksiran daripada LHDNM.
34.	If the form submission is done using STSDS, will the penalty be calculated together with the amount of duty?	Dalam perancangan pembangunan sistem STSDS untuk duti setem akan datang, pengiraan pengenaan duti dan penalti akan dikira secara automatiK seperti sistem sedia ada. Pemakluman akhir prosedur akan dibuat selepas sistem STSDS duti setem dilaksanakan.

BIL.	QUESTION	ANSWER
35.	With the new system EDS, can the company retrieved documents previously submitted through STAMPS?	Pihak LHDNM ambil maklum dan akan mempertimbangkan kesesuaian cadangan tersebut jika ada keperluan. Pemakluman akhir akan dibuat selepas sistem STSDS duti setem dilaksanakan.
36.	If my sister occasionally helps in my business and I only pay her when she assists, do I still need an employment contract? Will this have implications during an LHDN audit?"	Penggajian bermaksud wujud suatu hubungan antara majikan dan pekerja yang mana saraan kena dibayar. Merujuk kepada definisi dalam seksyen 2 AS 1949, surat cara merangkumi apa-apa dokumen bertulis. Sehubungan itu, semua kontrak penggajian hendaklah disetemkan selaras dengan peruntukan subseksyen 4(1) AS 1949. Sila rujuk kepada Soalan 3 dan 4, soalan lazim dalam laman web hasil www.hasil.gov.my > Perkhidmatan > Duti Setem > Soalan Lazim > Soalan Lazim (FAQ) Penyeteman Kontrak Penggajian Di Malaysia (Tarikh Kemaskini : 03 Julai 2025) atau pautan https://www.hasil.gov.my/duti-setem/soalan-lazim/ untuk penerangan lanjut. Sebarang surat cara yang dikenakan duti semasa penemuan audit akan dikenakan penalti seperti dalam Akta Setem, 1949.
37.	Disposal of shares by shareholders in Co who carry on as developer where land & development expenditure is shown in audited a/c as other assets not FA, is the tsf of share by the shareholders sub CKHT	Pelupusan syer tidak tersenarai (STT) oleh 4 kategori pelupus: 1. Syarikat 2. Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) 3. Badan Amanah 4. Koperasi Adalah tertakluk kepada Cukai Keuntungan Modal (CKM) mulai 1 Januari 2024 Pelupusan syer syarikat harta tanah (RPC) oleh selain kategori di atas adalah tertakluk kepada CKHT

BIL.	QUESTION	ANSWER
38.	For agreements that are e-signed with overseas companies, where there is no physical copy, are we supposed to stamp it when the signed pdf is sent back to us?	Merujuk kepada subseksyen 4(1) Akta Setem 1949 (AS 1949) kesemua surat cara yang disenaraikan dalam Jadual Pertama hendaklah disetamkan mengikut kadar dalam Jadual tersebut. Surat cara hendaklah disetamkan dalam tempoh 30 hari dari tarikh ianya disempurnakan dalam Malaysia atau dalam tempoh 30 hari selepas ia diterima dalam Malaysia sekiranya ia disempurnakan di luar Malaysia. Sekiranya ia tidak disetamkan dalam tempoh yang ditetapkan, penalti yang dikenakan berdasarkan tempoh kelewatan seperti berikut; ➤ RM50.00 atau 10% daripada duti yang terkurang, yang mana lebih tinggi, sekiranya ia disetamkan dalam tempoh 3 bulan selepas masa untuk penyeteman; ➤ RM100.00 atau 20% daripada duti yang terkurang, yang mana lebih tinggi, sekiranya ia disetamkan selepas 3 bulan selepas masa untuk penyeteman; ➤ Kadar di atas berkuat kuasa mulai dari 01/01/2025.
39.	if MyTax is used, this is access by individual so how does an employee make payment for a company's stamp duty? payment for DS for company docs is via company bank payt not individual	Dalam perancangan pembangunan sistem STSDS untuk duti setem akan datang, pembayaran duti dan penalti boleh dilakukan oleh ID admin dan agen yang dilantik seperti sistem STMAPS sedia ada melalui mana-mana akaun bank individu(B2C) atau Syarikat (B2B). Pemakluman akhir prosedur akan dibuat selepas sistem STSDS duti setem dilaksanakan.
40.	I understand that for employment contract before 1/1/2025 is exempted, do we need to submit in e stamping?	Ya. Menurut Seksyen 4, Akta Setem 1949, semua surat cara yang dikenakan duti termasuk yang mendapat pengecualian perlu mengemukakan dokumen bagi tujuan penyeteman tanpa mengambil kira usia pekerja. Sila rujuk kepada Soalan 15, soalan lazim dalam laman web hasil www.hasil.gov.my > Perkhidmatan > Duti Setem > Soalan Lazim > Soalan Lazim (FAQ) Penyeteman Kontrak

BIL.	QUESTION	ANSWER
		Penggajian Di Malaysia (Tarikh Kemaskini : 03 Julai 2025) atau pautan https://www.hasil.gov.my/duti-setem/soalan-lazim/ untuk penerangan lanjut.
41.	Can you elaborate on the note on slide 15 : "remission / exemption involves formal assessment"?	Pihak LHDNM akan mengeluarkan sebarang rujukan dan garis panduan berkaitan yang diperlukan dalam masa yang terdekat.
42.	Service agreement has remission order which is 0.1% of the service value, then all service agreement should still continue official assessment? Pls clarify	Ya. Semua taksiran yang melibatkan pengecualian atau peremitan duti akan disemak oleh LHDNM dan ditaksir secara formal. Notis Taksiran akan dikeluarkan setelah LHDNM berpuas hati dan menerima semua maklumat lengkap surat cara seperti proses sedia ada.
43.	It is normal for service agreement to charge at cost plus (eg. 5% on cost). In this case, how to access the stamp duty? subject to nominal duty?	Surat cara perkhidmatan akan dikenakan duti-advalorem di bawah item 22(1)(a) berdasarkan nilai balasan/kontrak. Sekiranya surat cara yang dikemukakan tidak menyatakan nilai balasan atau nilai balasan tidak dapat ditentukan, duti dikenakan berdasarkan kadar di bawah Item 22 (1)(b), Jadual Pertama Akta Setem 1949 iaitu RM1.00 bagi setiap nilai RM100. Duti dikenakan berdasarkan kandungan (<i>substance</i>) surat cara atau perjanjian tersebut dan bukan berdasarkan tajuk semata-mata.
44.	Is there any indicative timeline on when the sd guideline will be issued since self-assessment begins from 1 Jan 2026 onwards?	Pihak LHDNM akan mengeluarkan sebarang rujukan dan garis panduan berkaitan yang diperlukan dalam masa yang terdekat.
45.	current STAMPS, we can register as authorised agent. will EDS have this option if we need to login via MyTax?	Dalam perancangan pembangunan sistem MyTax untuk duti setem akan datang, seseorang individu boleh dilantik oleh lebih daripada satu syarikat untuk menguruskan urusan duti setem melalui MyTax seperti konsep sistem TAeF bagi agen cukai dan Peranan Peguam dalam e-CKHT sedia ada. Pemakluman akhir berhubung prosedur akan dibuat selepas pelaksanaan sistem MyTax Duti Setem.

BIL.	QUESTION	ANSWER
46.	Employment contract for retiree is renewal yearly, the renewal contract also subject to stamp duty?	Ya. Menurut Seksyen 4, Akta Setem 1949, semua surat cara yang dikenakan duti termasuk yang mendapat pengecualian perlu mengemukakan dokumen bagi tujuan penyeteman tanpa mengambil kira usia pekerja. Sila rujuk kepada Soalan 5, soalan lazim dalam laman web hasil www.hasil.gov.my > Perkhidmatan > Dut Setem > Soalan Lazim > Soalan Lazim (FAQ) Penyeteman Kontrak Penggajian Di Malaysia (Tarikh Kemaskini : 03 Julai 2025) atau pautan https://www.hasil.gov.my/duti-setem/soalan-lazim/ untuk penerangan lanjut.
47.	Can make the system to allow bulk submissions and stamping. ie upload all at once	Boleh. Sila mendapatkan maklumat berkaitan penyeteman berkelompok daripada laman web Hasil www.hasil.gov.my > MyTax > Perkhidmatan ezHasil > STAMPS > pengumuman atau pautan https://stamps.hasil.gov.my/stamps/register/publicpage/pengumuman# atau melalui log masuk sistem STAMPS dan klik di permohonan > penyeteman berkelompok.
48.	What does “general stamping” mean for phase 1 of stamp duty STS?	Penyetaman am merujuk kepada semua surat cara yang perlu disetamkan secara nominal iaitu tidak melibatkan nilai balasan.
49.	For stamp duty, under Section 32, for transfer of property, is SPA stamped at nominal of RM10 and then MOT at ad volerem is correct?	Ya. Sila rujuk kepada <i>Items</i> 32, Jadual Pertama, Akta Setem 1949 untuk penerangan lanjut.
50.	When will the Stamp duty SAS guideline issued?	Pihak LHDNM akan mengeluarkan sebarang rujukan dan garis panduan berkaitan yang diperlukan dalam masa yang terdekat.
51.	Does loan interest is tax deductible under ckht?	Faedah atas pinjaman tidak dibenarkan dalam tuntutan belanja CKHT.
52.	Jangkaan LHDN akan keluaran Garispanduan Dut Setem under STS?Adakah akan Ade tempoh 'grace period' untuk penggunaan eDS ni memandangkan pelaksana adalah berbeza dalam 1 syarikat?(Cth:HR,procurement)	Pihak LHDNM akan mengeluarkan sebarang rujukan dan garis panduan berkaitan yang diperlukan dalam masa yang terdekat.

BIL.	QUESTION	ANSWER
53.	When is due date for submission of stamp duty return? Or is it, payment + submission is within 30 days from execution of agreement?	Surat cara hendaklah disetamkan dalam tempoh 30 hari dari tarikh ianya disempurnakan dalam Malaysia atau dalam tempoh 30 hari selepas ia diterima dalam Malaysia sekiranya ia disempurnakan di luar Malaysia. Sekiranya ia tidak disetamkan dalam tempoh yang ditetapkan, penalti yang dikenakan berdasarkan tempoh kelewatan seperti berikut; ➤ RM50.00 atau 10% daripada duti yang terkurang, yang mana lebih tinggi, sekiranya ia disetamkan dalam tempoh 3 bulan selepas masa untuk penyeteman; ➤ RM100.00 atau 20% daripada duti yang terkurang, yang mana lebih tinggi, sekiranya ia disetamkan selepas 3 bulan selepas masa untuk penyeteman; ➤ Kadar di atas berkuat kuasa mulai dari 01/01/2025.
54.	stamps untuk contract for service jatuh bwh pnyetaman ap ye?	"Contract for service" adalah dibawah kategori penyetemen Sekuriti. Surat cara perkhidmatan (Service) dikenakan duti di bawah Item 22, Jadual Pertama Akta Setem 1949.
55.	Is there awareness training to public for stamp duty self-assessment?	Ya. Pihak LHDNM akan mengeluarkan sebarang rujukan, infografik dan garis panduan berkaitan yang diperlukan dalam masa yang terdekat.
56.	It is normal for service agreement to charge at cost plus (eg. 5% on cost). In this case, how to access the stamp duty? subject to nominal duty?	Surat cara perkhidmatan akan dikenakan duti-advalorem di bawah item 22(1)(a) berdasarkan nilai balasan/kontrak. Sekiranya surat cara yang dikemukakan tidak menyatakan nilai balasan atau nilai balasan tidak dapat ditentukan, duti dikenakan berdasarkan kadar di bawah Item 22 (1)(b), Jadual Pertama Akta Setem 1949 iaitu RM1.00 bagi setiap nilai RM100. Duti dikenakan berdasarkan kandungan (<i>substance</i>) surat cara atau perjanjian tersebut dan bukan berdasarkan tajuk semata-mata.
57.	If an employment contract includes monetary benefits, are these counted in	Sebarang surat cara sama ada dikenakan duti atau tidak, tidak boleh berdasarkan semata-mata kepada tajuk atau nama jenis surat cara (Surat) tersebut sahaja. Kandungan

BIL.	QUESTION	ANSWER
	stamp duty valuation? How does LHDN determine the chargeable amount?	(<i>substance</i>) surat cara tersebut yang menentukan sesuatu surat (<i>letter</i>) perlu dikenakan duti atau tidak. Penentuan duti setem hanya akan ditetapkan oleh pegawai penaksir selepas menerima dokumen tersebut melalui sistem STAMPS.
58.	Is group relief for interco agreement would be introduced by the IRB?	Tidak. Semua surat cara yang ditandatangani antara syarikat berkaitan adalah tertakluk kepada duti dan perlu disetemkan.
59.	Untuk employment contract, sekiranya ada kenaikan gaji. Adakah additional agreement perlu stamping?	Ya. Sebarang surat cara (in “writing” or “written”) termasuk adendum yang memerlukan persetujuan dan tandatangan di antara dua pihak (disempurnakan) adalah dikenakan duti seperti dalam Jadual Pertama, Akta Setem 1949. Sebarang surat cara sama ada dikenakan duti atau tidak, tidak boleh berdasarkan semata-mata kepada tajuk atau nama jenis surat cara (Surat) tersebut sahaja. Kandungan (<i>substance</i>) surat cara tersebut yang menentukan sesuatu surat (<i>letter</i>) perlu dikenakan duti atau tidak. Sila rujuk kepada Soalan 8, soalan lazim dalam laman web hasil www.hasil.gov.my > Perkhidmatan > Duti Setem > Soalan Lazim > Soalan Lazim (FAQ) Penyeteman Kontrak Penggajian Di Malaysia (Tarikh Kemaskini : 03 Julai 2025) atau pautan https://www.hasil.gov.my/duti-setem/soalan-lazim/ untuk penerangan lanjut.
60.	Jika pekerja adalah ejen admin dalam sistem STAMPS, jika sistem eDuti Setem kena guna peranan apa? Akan auto dapat peranan berdasarkan ID Ejen Admin STAMPS atau kena mohon baru?	Dalam perancangan pembangunan sistem MyTax untuk duti setem akan datang, seseorang individu boleh dilantik oleh lebih daripada satu syarikat untuk menguruskan urusan duti setem melalui MyTax seperti konsep sistem TAeF bagi agen cukai dan Peranan Peguam dalam e-CKHT sedia ada. Pemakluman akhir berhubung prosedur akan dibuat selepas pelaksanaan sistem MyTax Duti Setem.

BIL.	QUESTION	ANSWER
61.	employment contract before 1/1/2025, but the staff already resigned before 1/1/25, still need to do stamping and get endorsement for exemption?	Ya. Menurut Seksyen 4, Akta Setem 1949, semua surat cara yang dikenakan duti termasuk yang mendapat pengecualian perlu mengemukakan dokumen bagi tujuan penyeteman tanpa mengambil kira usia pekerja. Kontrak penggajian yang telah dikecualikan boleh dikemukakan kepada LHDNM bagi tujuan taksiran dan pengindorsan untuk mendapatkan sijil pengecualian duti setem. Sila rujuk kepada Soalan 15, soalan lazim dalam laman web hasil www.hasil.gov.my > Perkhidmatan > Duti Setem > Soalan Lazim > Soalan Lazim (FAQ) Penyeteman Kontrak Penggajian Di Malaysia (Tarikh Kemaskini : 03 Julai 2025) atau pautan https://www.hasil.gov.my/duti-setem/soalan-lazim/ untuk penerangan lanjut.
62.	is there any penalty waiver for voluntary disclosure?	Tiada untuk sedia ada. Namun, perintah remisi (selaras dengan peruntukan Seksyen 72D, Akta Setem 1949) yang diumumkan dalam bajet adalah bagi tempoh mulai 1 Januari, 2026 sehingga 31 Disember 2026. Pihak LHDNM akan membuat penyediaan dan mengeluarkan sebarang rujukan dan garis panduan berkaitan perintah remisi dalam masa yang terdekat.
63.	Bilakah garis panduan duti setem dapat dikeluarkan kepada umum? Tanpa bimbingan spesifik, adalah amat mencabar untuk persediaan menuju 1 Jan 2026	Pihak LHDNM akan mengeluarkan sebarang rujukan dan garis panduan berkaitan yang diperlukan dalam masa yang terdekat.
64.	Adakah surat perlantikan dan perkhidmatan juruaudit dan ejen cukai adalah tertakluk kepada duti setem? Sekiranya ya, duti setem adalah RM10 atau nilai 'ad valorem'?	Sebarang surat cara (in "writing" or "written") termasuk adendum yang memerlukan persetujuan dan tandatangan di antara dua pihak (disempurnakan) adalah dikenakan duti seperti dalam Jadual Pertama, Akta Setem 1949. Sebarang surat cara sama ada dikenakan duti atau tidak, tidak boleh berdasarkan semata-mata kepada tajuk atau nama jenis surat cara (Surat) tersebut sahaja. Kandungan (<i>substance</i>) surat cara tersebut yang menentukan sesuatu surat (<i>letter</i>) perlu dikenakan duti atau tidak.

BIL.	QUESTION	ANSWER
		Penentuan duti setem hanya akan ditetapkan oleh pegawai penaksir selepas menerima dokumen tersebut melalui sistem STAMPS.
65.	Would like to appeal to IRB to consider self assessment from 1 Jan 26 to commence in clean slate. Any audit will not impact all instruments prior to 1 Jan 26 (both duties and penalties)	Pihak LHDNM ambil maklum.
66.	Audit engagement letter need to be stamped? just as morning session ask...	Sebarang surat cara (in "writing" or "written") termasuk adendum yang memerlukan persetujuan dan tandatangan di antara dua pihak (disempurnakan) adalah dikenakan duti seperti dalam Jadual Pertama, Akta Setem 1949. Sebarang surat cara sama ada dikenakan duti atau tidak, tidak boleh berdasarkan semata-mata kepada tajuk atau nama jenis surat cara (Surat) tersebut sahaja. Kandungan (<i>substance</i>) surat cara tersebut yang menentukan sesuatu surat (<i>letter</i>) perlu dikenakan duti atau tidak. Penentuan duti setem hanya akan ditetapkan oleh pegawai penaksir selepas menerima dokumen tersebut melalui sistem STAMPS.
67.	Similar to MyInvoice, can the representative be assigned to login only for E-DS?	Dalam perancangan pembangunan sistem MyTax untuk duti setem akan datang, seseorang individu boleh dilantik oleh lebih daripada satu syarikat untuk menguruskan urusan duti setem melalui MyTax seperti konsep sistem TAeF bagi agen cukai dan Peranan Peguam dalam e-CKHT sedia ada. Pemakluman akhir berhubung prosedur akan dibuat selepas pelaksanaan sistem MyTax Duti Setem.
68.	For stamp duty, is it important to determine who is 1st party and 2nd party to the contract when entering the system?	Ya. Menurut Jadual Ketiga, Akta Setem 1949, penentuan pihak pertama dan kedua akan menentukan siapa yang perlu membayar duti berdasarkan kategori suratcara.

BIL.	QUESTION	ANSWER
		Adalah dimaklumkan mana-mana pihak yang namanya tersenarai dalam surat cara sama ada pihak pertama atau kedua adalah dibenarkan untuk membuat penyeteman dalam sistem duti setem.
69.	Are engagement letter (audit / tax / lawyer etc) subject to stamp duty?	Sebarang surat cara (in “writing” or “written”) termasuk adendum yang memerlukan persetujuan dan tandatangan di antara dua pihak (disempurnakan) adalah dikenakan duti seperti dalam Jadual Pertama, Akta Setem 1949. Sebarang surat cara sama ada dikenakan duti atau tidak, tidak boleh berdasarkan semata-mata kepada tajuk atau nama jenis surat cara (Surat) tersebut sahaja. Kandungan (<i>substance</i>) surat cara tersebut yang menentukan sesuatu surat (<i>letter</i>) perlu dikenakan duti atau tidak.
70.	There is penalty for late stamping of RM100 or 20% under Section 47. If failure to submit stamp duty return, there is also penalty. Does this mean that there are 2 penalties imposed for late filing?	Adalah dimaklumkan Seksyen 47A, Akta Setem 1967 menjelaskan panalti hanya dikenakan sekali sahaja bagi kes kelewatan membuat penyeteman dan pembayaran dalam tempoh yang ditetapkan. Sekiranya ia tidak disempurnakan (disetamkan) dalam tempoh yang ditetapkan, penalti yang dikenakan berdasarkan tempoh kelewatan seperti berikut; ➤ RM50.00 atau 10% daripada duti yang terkurang, yang mana lebih tinggi, sekiranya ia disetamkan dalam tempoh 3 bulan selepas masa untuk penyeteman; ➤ RM100.00 atau 20% daripada duti yang terkurang, yang mana lebih tinggi, sekiranya ia disetamkan selepas 3 bulan selepas masa untuk penyeteman; ➤ Kadar di atas berkuat kuasa mulai dari 01/01/2025.
71.	For a 2 years service contract with RM15000/year, stamp duty payable (RM15,000 x 0.1%) x 2, correct?	Tidak. Pengiraan adalah berdasarkan kepada Item 22 (1)(a), Jadual Pertama Akta Setem 1949 dan diberikan peremitan di bawah P.U(A) 428/2021 Contoh pengiraan yang betul adalah seperti berikut :

BIL.	QUESTION	ANSWER
		RM15,000.00 x 2 (tahun) = RM 30,000.00 RM 30,000 @ 0.5% (item 22 (1)(a) = RM 150.00 Peremitan P.U(A)428/2021 @ 0.4% = RM 120.00 Duti Kena Dibayar selepas peremitan = RM 30.00
72.	If an agreement is not stamped, who will be penalised? The seller or the buyer? Eg for service contracts, or landlord/lesee	Tanggungjawab untuk membayar duti dan penalti terletak kepada pihak yang dinyatakan di bawah Seksyen 33 dan Jadual Ketiga Akta Setem 1949.
73.	How do we stamp employment contracts in bulk for contracts executed before 1 January 2025 (exempted for stamp duty)?	Boleh. Sila mendapatkan maklumat berkaitan penyeteman berkelompok daripada laman web Hasil www.hasil.gov.my > MyTax > Perkhidmatan ezHasil > STAMPS > pengumuman atau pautan https://stamps.hasil.gov.my/stamps/register/publicpage/pengumuman# atau melalui log masuk sistem STAMPS dan klik di permohonan > penyeteman berkelompok.
74.	When Stamps officer come audit and find out agreements not stamped, which party shall bear the penalty, customer or vendor?	Tanggungjawab untuk membayar duti dan penalti terletak kepada pihak yang dinyatakan di bawah Seksyen 33 dan Jadual Ketiga Akta Setem 1949.
75.	Untuk pekerja yang sudah lebih dari 20 tahun , adakah employment letter perlu distem?	Ya. Menurut Seksyen 4, Akta Setem 1949, semua surat cara yang dikenakan duti termasuk yang mendapat pengecualian perlu mengemukakan dokumen bagi tujuan penyeteman tanpa mengambil kira bila pekerja tersebut mula berkerja. Sila rujuk kepada Soalan 15, soalan lazim dalam laman web hasil www.hasil.gov.my > Perkhidmatan > Duti Setem > Soalan Lazim > Soalan Lazim (FAQ) Penyeteman Kontrak Penggajian Di Malaysia (Tarikh Kemaskini : 03 Julai 2025) atau pautan https://www.hasil.gov.my/duti-setem/soalan-lazim/ untuk penerangan lanjut.
76.	In cases where employment terms are revised or renewed, must each updated contract be restamped? How does LHDN assess whether the changes trigger additional stamp duty	Ya. Menurut Seksyen 4, Akta Setem 1949, semua surat cara yang dikenakan duti termasuk yang mendapat pengecualian perlu mengemukakan dokumen bagi tujuan penyeteman. Sila rujuk kepada Soalan 5, soalan lazim dalam laman web hasil www.hasil.gov.my > Perkhidmatan > Duti Setem > Soalan Lazim > Soalan Lazim (FAQ) Penyeteman Kontrak Penggajian Di Malaysia (Tarikh Kemaskini : 03 Julai 2025) atau pautan https://www.hasil.gov.my/duti-setem/soalan-lazim/ untuk penerangan lanjut.

BIL.	QUESTION	ANSWER
77.	Can the director appoints more than one representative for eDS under MyTax?	Dalam perancangan pembangunan sistem MyTax untuk duti setem akan datang, seseorang individu boleh dilantik oleh lebih daripada satu syarikat untuk menguruskan urusan duti setem melalui MyTax seperti konsep sistem TAEF bagi agen cukai dan Peranan Peguam dalam e-CKHT sedia ada. Pemakluman akhir berhubung prosedur akan dibuat selepas pelaksanaan sistem MyTax Duti Setem.
78.	How to know how much is the correct % to be use for stamp duty charges? For example, stamp duty for bank trade facilities. Should it be 0.5 or 0.1%?	Pengenaan jumlah kadar duti adalah berdasarkan kepada jenis surat cara seperti ditetapkan dalam Jadual Pertama, Akta Setem 1949.
79.	Does directors of the company who receive remuneration need to have employment contract?	Merujuk kepada subseksyen 4(1) Akta Setem 1949 (AS 1949) kesemua surat cara yang disenaraikan dalam Jadual Pertama hendaklah disetamkan mengikut kadar dalam Jadual tersebut. Merujuk kepada seksyen 2 AS 1949, surat cara didefinisikan sebagai satu dokumen bertulis dan pada amnya duti setem dikenakan ke atas surat cara jenis undang-undang, komersial dan urusan kewangan. Kontrak penggajian merupakan satu surat cara perjanjian / kontrak yang mewujudkan hubungan antara majikan dan pekerja. Suatu kontrak penggajian hendaklah disetamkan dan layak dikenakan duti di bawah Jadual Pertama Akta Setem 1949 termasuk pengarah syarikat. Sila rujuk kepada Soalan 1 dan 3 soalan lazim dalam laman web hasil www.hasil.gov.my > Perkhidmatan > Duti Setem > Soalan Lazim > Soalan Lazim (FAQ) Penyeteman Kontrak Penggajian Di Malaysia (Tarikh Kemaskini : 03 Julai 2025) atau pautan https://www.hasil.gov.my/duti-setem/soalan-lazim/ untuk penerangan lanjut.
80.	For service agreement w/out a stated amount/consideration, where duty is based	Surat cara perkhidmatan akan dikenakan duti-advalorem di bawah item 22(1)(a) berdasarkan nilai balasan/kontrak. Sekiranya surat cara yang dikemukakan tidak menyatakan nilai

BIL.	QUESTION	ANSWER
	on % of revenue, how should stamp duty be determined during self-assessment? Should it be stamped at the fixed rate RM10?	balasan atau nilai balasan tidak dapat ditentukan, duti dikenakan berdasarkan kadar di bawah Item 22 (1)(b), Jadual Pertama Akta Setem 1949 iaitu RM1.00 bagi setiap nilai RM100. Sesuatu surat cara dikenakan ke duti adalah berdasarkan kepada kandungan (<i>substance</i>) surat cara atau perjanjian tersebut dan bukan berdasarkan tajuk semata-mata.
81.	Refer to the ammedment of penalti remission that will effect on the 1st January 2026 until 31 Dec 2026, is remission apply to all instrument whether the instrument falls in phase 1, 2 or 3?	Pihak LHDNM akan mengeluarkan sebarang rujukan dan garis panduan berkaitan yang diperlukan dalam masa yang terdekat.
82.	Boleh ke kos stamp duty ini dikontra dengan tax refund (jika ada). Jika boleh apakah prosedurnya?	Adalah dimaklumkan, merujuk kepada dalam bajet 2026, lebih cukai untuk Cukai Pendapatan (CP), Cukai Petroleum, Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) dan Duti Setem (DS) boleh dibenarkan untuk menjelaskan tunggakan dalam akaun individu. Namun, pemakluman polisi dan prosedur akan dibuat selepas ketetapan garis panduan dikeluarkan.
83.	If staff resign after contract stamped, do we need to cancel the stamp?	Adalah dimaklumkan surat cara yang telah disempurnakan dan telah digunakan tidak boleh dibatalkan.
84.	Do we need to prepare letter for incremental of salary and stampings it?	Pihak LHDNM tiada halangan dan tidak terlibat dengan pengurusan dalam majikan/ Syarikat. Sebarang surat cara (<i>in "writing" or "written"</i>) termasuk adendum yang memerlukan persetujuan dan tandatangan di antara dua pihak adalah perlu disetemkan seperti peruntukan Jadual Pertama, Akta Setem 1949.
85.	jika kontrak kerja yg masih belum disetemkan, namun pekerja tersebut telah pun berhenti, adakah perlu disetemkan?	Surat cara hendaklah disetemkan dalam tempoh 30 hari dari tarikh ianya disempurnakan (dipersetujui dan ditandatangani oleh kedua-dua pihak) dalam Malaysia atau dalam tempoh 30 hari selepas ia diterima dalam Malaysia sekiranya ia disempurnakan di luar Malaysia. Sekiranya ia tidak disetemkan dalam tempoh yang ditetapkan, penalti yang dikenakan berdasarkan tempoh kelewatan seperti berikut;

BIL.	QUESTION	ANSWER
		➤ RM50.00 atau 10% daripada duti yang terkurang, yang mana lebih tinggi, sekiranya ia disetemkan dalam tempoh 3 bulan selepas masa untuk penyeteman; ➤ RM100.00 atau 20% daripada duti yang terkurang, yang mana lebih tinggi, sekiranya ia disetemkan selepas 3 bulan selepas masa untuk penyeteman; ➤ Kadar di atas berkuat kuasa mulai dari 01/01/2025.
86.	Contract that has already expired in year 2025 or before, do i need to stamp	Surat cara hendaklah disetemkan dalam tempoh 30 hari dari tarikh ianya disempurnakan (dipersetujui dan ditandatangani oleh kedua-dua pihak) dalam Malaysia atau dalam tempoh 30 hari selepas ia diterima dalam Malaysia sekiranya ia disempurnakan di luar Malaysia. Sekiranya ia tidak disetemkan dalam tempoh yang ditetapkan, penalti yang dikenakan berdasarkan tempoh kelewatan seperti berikut; ➤ RM50.00 atau 10% daripada duti yang terkurang, yang mana lebih tinggi, sekiranya ia disetemkan dalam tempoh 3 bulan selepas masa untuk penyeteman; ➤ RM100.00 atau 20% daripada duti yang terkurang, yang mana lebih tinggi, sekiranya ia disetemkan selepas 3 bulan selepas masa untuk penyeteman; ➤ Kadar di atas berkuat kuasa mulai dari 01/01/2025.
87.	Does employment contract that has been signed before 1/1/2025 that qualify for exemption need to be submitted to IRB for endorsement?	Kontrak penggajian yang telah dikecualikan boleh dikemukakan kepada LHDNM bagi tujuan taksiran dan pengindorsan untuk mendapatkan sijil pengecualian duti setem. Sila rujuk kepada Soalan 15 soalan lazim dalam laman web hasil www.hasil.gov.my > Perkhidmatan > Dutu Setem > Soalan Lazim > Soalan Lazim (FAQ) Penyeteman Kontrak Penggajian Di Malaysia (Tarikh Kemaskini : 03 Julai 2025) atau pautan https://www.hasil.gov.my/duti-setem/soalan-lazim/ untuk penerangan lanjut.
88.	Every year need to renew duti setem for employee contract?	Sekiranya terdapat pembaharuan kontrak, ianya tertakluk kepada duti setem.

BIL.	QUESTION	ANSWER
